

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

TAHUN 15 BILANGAN 8 RABU 25 FEBRUARI, 1970 1389 رابو 18 ذوالحجه PERCHUMA

Pesakit kolera yg. akhir di-keluarkan dari rumah sakit

BANDAR BRUNEI. — Sa-orang yang mengidap penyakit kolera dari kawasan Lamunin di-Daerah Tutong yang telah di-masokan ka-rumah sakit besar Brunei 13 hari yang lalu telah di-keluarkan dan tidak ada lagi kejadian penyakit itu di-masokan sejak itu.

Pegawai Perubatan Kesihatan, Dr. Y. H. Paik berkata, jika keadaan kolera terus menerus bertambah baik Brunei akan di-ishtiharkan bebas dari wabak penyakit tersebut pada 3 Mach ini.

Brunei telah di-ishtiharkan kawasan wabak kolera sejak 20 Januari, dan sa-takat itu 23 kejadian yang di-sahkan.

Kebanyakan-nya pesakit2 itu datang-nya dari Kampong Ayer.

Dr. Paik berkata, sa-orang budak lelaki di-Lamunin yang di-dapat menjadi pembawa penyakit itu tetapi diri-nya dalam keadaan sehat telah di-beri rawatan selama lima hari di-bawah kawalan pengasingan untuk menghapuskan kuman2 penyakit itu.

Beliau berkata, pemereksaan makmal yang terakhir sedang di-jalankan untuk menentukan sama ada budak itu akan bebas dari jangkitan penyakit itu.

Sementara itu Dr. Paik menyenyeru orang ramai supaya bekerjasama dengan mengikuti langkah2 kesihatan yang ketat.

Beliau berkata, mereka yang belum lagi bersuntik mesti-lah mendapatkan suntikan tanpa berlengah2 lagi.

Sa-takat ini 123,862 orang telah di-suntik untuk menche-gah penyakit kolera.

KOLERA SERANG SABAH

SABAH telah di-ishtiharkan sa-bagai kawasan penyakit ko-lera, dan Pemangku Pengarah Perkhidmatan Perubatan dan Kesihatan, Dr. I. G. Singh telah mengumumkan langkah berjaga yang ketat supaya penya-kit itu tidak merebak ka-negeri ini.

Dr. Singh berkata, semua pelawat2 dari Sabah akan di-asingkan sa-lama lima hari

dari tarikh mereka mening-alikan negeri itu.

Semua penumpang2 dan lain2 yang tidak mempunyai surat suntikan bagi menche-gah penyakit kolera yang sah akan di-suntik di-tempat2 pemereksaan.

Dr. Singh menambahkan bahawa Brunei telah mengirim 50,000 dos ubat suntikan ka-Kota Kinabalu atas perminta-an Pengarah Perubatan Sabah.

Penafian berita tentang harga2 ikan

BANDAR BRUNEI. — Pegawai Daerah Brunei-Muara, Pengiran Dato Paduka Haji Abdul Rahman bin Pengiran Haji Abdul Rahim telah menafikan berita akhbar Bintang Harian keluaran hari Isnin yang mengatakan harga2 ikan di-Pasar Bandar Brunei tetap saperti sedia kala.

Pegawai Daerah itu berkata ba-hawa ikan yang di-jual di-pasar Bandar Brunei telah pun turun harga-nya dari biasa kira2 sa-minggu yang lalu apabila per-chubaaan mengusongkan tiga meja daripada di-miliki oleh orang2 tengah.

Beliau berkata, ketiga2 meja tempat menjual ikan di-pasar itu telah pun di-penohi oleh penjual2 ikan tempatan dan mereka menjual ikan dengan harga2 yang murah dari biasa.

Mereka hanya di-kenakan bayaran satu ringgit pada tiap2 satu meja dalam sa-hari.

Pegawai Daerah itu berkata penjual2 ikan tempatan yang lain-nya boleh memiliki meja itu un-tok menjual ikan dengan sharat mendapat kebenaran lebih dahulu dari Jabatan Bandaran.

Pertunjokkan pakaian untuk kutip derma anak2 yatim

BANDAR BRUNEI. — Satu pertunjokkan feshen pakaian akan di-adakan di-Dewan Raya Jabatan Penyiaran dan Penerangan pada 27 Februari ini mulai jam 8.00 malam.

Pertunjokkan tersebut adal-ah bagi mengutip derma ta-

bong anak2 yatim di-Daerah Brunei/Muara.

Beberapa orang pegawai yang terdiri dari berbagai bangsa dari Kuala Lumpur, Singapura, Sarawak dan Kota Kinabalu akan menunjokkan feshen pakaian mereka.

Lebih tiga puluh jenis pa-kiaan akan di-pertunjokkan dan sebahagian daripada-nya akan di-tunjokkan oleh anak2 tempatan di-negeri ini.

Rombongan pegawai yang di-beri nama 'Mahina Boutique' yang di-ketuai oleh Miss Rhona Chan itu akan menun-jokkan berbagai2 jenis pakaian wanita yang terbaharu. Per-tunjokkan itu tidak termasuk pakaian mini skirt dan lain2 pakaian yang tidak senunoh.

(Lihat Muka 8)



Anita Osman kelihatan riang gembira sa-belum ber-lepas ka-Australia.

Anita di-rawat buat kali kedua di-Australia

BANDAR BRUNEI. — Anita binte Osman yang berumur 1½ tahun, anak kepada Kopral Osman bin Idris dari Askar Melayu Di-Raja Brunei telah berlepas ka-Adelaide, Australia pada hari Ahad lepas kerana rawatan lanjutan di-rumah sakit kanak2 Adelaide.

Anita telah di-masokan ka-rumah sakit pada 12 Nobem-ber, 1968 bagi satu pembedahan kerana apa yang di-kenali sa-bagai "Hydrocephalus" atau berlebehan bahan chair dalam rongga tengkorak-nya.

Satu pengumuman Askar Melayu Di-Raja Brunei ber-kata, pembedahan yang di-jalankan di-Rumah Sakit Ka-nak2 Adelaide telah berjaya, walaupun pada mula-nya adal-ah di-fikirkan bahawa keada-an Anita ada-lah terlalu terok untuk di-ubati.

Anita pulang ka-Brunei pada penghujung bulan Nobember 1968. Sejak itu ia ada-lah dalam jagaan Pegawai Perubatan Askar Melayu Di-Raja Brunei.

Laporan kemajuan dan X-Ray-nya di-kirimkan dari semasa ka-semasa kepada doktor pembedah rumah sakit itu yang sekarang memutuskan hendak memanjangkan "tubuh" kerana budak itu ber-tambah besar.

Anita telah di-temani oleh ayah-nya yang bekerja di-bahagian pem-bayaran gaji pasokan Askar Mela-yu Di-Raja Brunei, dan Pegawai Perubatan Askar Melayu Di-Raja Brunei.

BANYAK orang berpendapat bahawa tertubohnya persatuan2 belia hanya-lah semata2 tempat menyalurkan majlis tari menari, berderama dan tidak kurang pula kesempatan anak2 muda memilih judoh bakal teman hidup. Pendapat2 serupa ini sering di-dengar dari mulut orang tua terutama mereka yang tidak tahu hakikat sa-benar-nya mengenai persatuan.

Dengan sechara membuta tuli orang2 tua yang menyuarakan pendapat itu, dengan tidak usol pereksa terus mengasingkan anak2 gadis mereka dari menghampori persatuan. Tetapi sekarang pendapat serupa itu kian pudar, kesedaran dan keinsafan mereka tambah ketara apabila mengetahui bahawa persatuan ta'lain semata2 bertujuan memperbaiki keadaan dan nasib dalam satu2 kampung. Dalam hubungan ini bukan saja lelaki harus berjuang bahkan kaum wanita juga mesti ikut sama seperti kaum Pemuda. Hidup berpersatuan berma'ana hidup dalam sa-buah masyarakat yang bertenaga.

Persatuan yang kami kemukakan di-ruangan ini ia-lah Persatuan Belia Sengkurong kira2 10 batu dari Bandar Brunei. Persatuan ini telah diluluskan pendaftaran-nya pada 4hb. April, 1962 dan dalam usia lapan tahun, Persatuan Belia Sengkurong itu telah berjalan dengan baik dan banyak kemajuan yang dapat di-lak-sanakan mengikut peratoran2. Kemajuan2 yang di-chapai itu bukan saja di-segi aktiviti badan itu sendiri bahkan juga dari segi perlembagaan persatuan itu dapat di-perkembangkan dan di-perluaskan mengikut kehendak2 masa.

Timbalan Setia Usaha Agong persatuan itu, Awang Abd. Hamid bin Haji Tamat menerangkan bahawa pindaan undang2 persatuan itu telah dibuat dalam tahun 1968 dan hasil-nya telah dapat di-jalankan sa-tahun sa-lepas itu yang menitik beratkan pergerakan ekonomi persatuan dan dari hasil pindaan itu telah pun dapat dinikmati oleh ahli2-nya.

Persatuan boleh-lah di-ertikan bersatu tenaga, bersatu fikiran, sa-bulat pendapat masing2 menuju kebaikan dan mengatasi sebarang kerumitan dan kepayahan. Tenaga2 pengerak yang menjalankan kelancharan-nya ada-lah juga tanggung-jawab bersama.

Saperti hal dengan Persatuan Belia Sengkurong ini saperti yang kita ketahui telah menyumbangkan daya utama memainkan peranan yang sangat besar erti-nya bagi kemajuan ahli2 tegas-nya penduduk2 di-kampung itu.

Melalui badan pergerakan ekonomi dari persatuan itu, seks2 ini telah berjaya mendapatkan sa-buah bas pengangkutan untuk murid2 sekolah yang boleh memuat saramai 40 orang penumpang. Bas itu telah di-beli oleh ahli2 Persatuan itu dengan harga \$33,000.00 dan ia-nya telah di-sewa khas oleh Jabatan Pela-

Dalam tempoh lapan tahun beberapa kemajuan telah di-chapai.....

jaran dengan bayaran \$2,091.-56 sa-bulan.

Untuk memperluaskan lagi ekonomi persatuan itu, ia-nya telah bergatong dengan orang2 perseorangan di-Kampung itu bagi membena tiga buah kedai di-kampung itu yang sekarang di-kenali sa-bagai Sharikat Melayu Sengkurong.


Usaha2 lain juga sudah pun di-perbuat bagi mendapatkan lisen menjual minyak di-kampung itu dan hingga sekarang sedang menunggu kebenaran dari pihak2 yang berkuasa.

Menyentuh badan sosial dan kebajikan persatuan itu seksi ini sentiasa bergerak chergas mengenai kerja2 kebajikan. Arahkan2 segera di-keluarkan untuk kerja gotong royong saperti membuat khemah untuk perkahwinan dan lain2 kerja saperti suka dan duka.

Di-tanya mengenai soal pelajaran, Awang Abd. Hamid tidak ragu2 menerangkan bahawa ahli2 persatuan itu juga tidak ketinggalan mengikuti apa juga jenis pelajaran dewasa saperti mempelajari Trengkas, bahasa Inggeris dan lain2 pelajaran. Badan itu juga sentiasa bergerak memberi penerangan2 apabila berlaku perselisihan faham sesama ahli terutama melibatkan orang2 perseorangan sa-hingga perselisihan itu dapat di-redakan dengan aman.

Persatuan Belia Sengkurong itu juga tidak kurang dengan ahli2 sokan-nya. Dua orang dari ahli persatuan itu telah berjaya terpilih mewakili negeri ini menyertai sokan antara tiga wilayah Borneo yang di-adakan di-Kuching tahun lalu. Mereka ia-lah Awang Abd. Wahid bin Haji Tongkat dan Awang Salim bin Haji Salleh. Tiga orang dari ahli Persatuan itu juga telah berjaya terpilih sa-chara suka rela menyertai lumba basikal jarak jauh di-Johor Bharu dan Me-

Belia Sengkurong dengan kegiatan2 ekonomi-nya



Kedai Sharikat Melayu Sengkurong yang di-punyai oleh Persatuan Belia dan penduduk2 kampung tersebut.

laka di-Malaysia Barat baru2 ini. Mereka ia-lah Awang Thani bin Haji Badar; Awang Sulaiman bin Haji Metussin dan Awang Musli bin Ismail. Sementara pelumba motor sikal yang sering mewakili persatuan itu yang di-adakan di-negeri ini ia-lah Awang Sabli bin Talip dan Awang bin Haji Hitam.

Temasha2 dan perjumpaan2 saperti sambutan Hari Raya menyertai perarakan Maulud Nabi dan temasha Ugama juga sering di-adakan yang di - kendalikan oleh Badan Kesenian dan Kebudayaan persatuan itu. Disamping pergerakan badan2 yang lain, maka badan pergerakan wanita juga sering menghampori hal2 yang menghendaki tenaga dan tugas wanita di-dalam satu2 majlis. Badan Pergerakan wanita itu juga tidak ketinggalan melancarkan tugas-nya di-bidang urusan rumah tangga saperti pelajaran jahit menjahit, masakan, gubahan2 bunga dan lain2 peranan yang memerlukan tugas wanita.

Kesimpulan yang dapat kita berikan bahawa Persatuan Belia Sengkurong sa-takat yang kita ketahui telah melangkah maju ke hadapan.

Dari imej persatuan itu telah membayangkan keharmonian hidup masyarakat kampung yang saling mengerti dan mempunyai satu tekad untuk maju lebeh jauh ke hadapan.

Ahli2 Jawatankuasa tadbir persatuan itu ia-lah: **Pengerusi Tetap**, Haji Ahmad bin Mudim Bakar; **Yang Di-Pertua** Awang Judin bin Asar; **Timbalan Yang Di-Pertua** Awang Puasa bin Tudin; **Setia Usaha Agong** Awang Md. Seruddin Haji Nasir; **Timbalan Setia Usaha Agong** Awang Abd. Hamid Haji Tamat; **Bendahari Agong** Awang Asmat bin Haji Salleh; **Timbalan Bendahari** Dayang Masni bte Hassan; **Badan Pergerakan Ekonomi** Awang Judin bin Asar; **Badan Pelajaran dan Penerangan** Awang Thani Haji Badar; **Badan Kesenian dan Kebudayaan** Awang Tanjong Haji Ismail; **Badan Sosial dan Kebajikan** Awang Abd. Manaf Haji Jambol; **Badan Sokan dan Permainan** Awang Abd. Wahid Tongkat; **Badan Seksi Wanita** Dayang Rokiah Haji Md. Yassin.

Ahli2 Jawatankuasa ia-lah: Hassan Talip, Ahmad Muhammad; Saliyah bte Hj. Safar dan Radiah bte Talip.



Bas yang di-punyai oleh Persatuan Belia Sengkurong bagi mengangkut kanak2 sekolah.

TIDAK beberapa lama lagi kita akan meninggalkan tahun 1389 Hijrah dan akan masuk ka-tahun baru 1390. Perkara ini selalu tidak di-ingatkan kerana selalu kita memakai tarikh masehi pada bila2 masa membuat peringatan sa-hari2. Bersempena kita baru sahaja mera'ikan Hari Raya Haji dan juga pada masa ini ramai saudara mara kita di-Brunei ini bersama2 beratus2 ribu umat Islam maseh berada di-tanah suci di-Mekah kerana baru saja selesai menyempurnakan ibadat haji ia-itu ibadat yang banyak mempunyai perhubungan di-atas kesabaran dan keimanan tiap2 orang yang mengerjakan ibadat haji itu.

Barang siapa yang telah menyempurnakan fardhu haji tentu-lah berbayang di-matanya bagaimana kesibokkan dan kesulitan semasa berada di-sana terutama sekali semasa berpindah dari satu tempat ka-satu tempat untuk menyempurnakan rukun2 haji itu dan juga semasa mengerjakan rukun itu sendiri.

Apakah sebab-nya perkara yang susah dan payah seperti itu kita maseh lagi mahu ka-sana juga, ada perbelanjaan dan kelapangan? Ini tidak lain ia - lah dengan runtunan dan keislaman yang tak dapat di-tukar ganti dengan benda2, sekalipun benda2 itu mahal dan berharga dan itu-lah yang di-kehendaki di-tiap2 jiwa umat Islam supaya berpegang tegoh dengan apa yang di-ikrarkan dengan lidah-nya mengaku bahawa Allah sahaja-lah yang di-sembah dan Nabi Mohammad itu ada-lah Rasulullah, hendak-nya diikuti dengan amalan2 yang ikhlas dan suci daripada ria dan seumpama-nya.

Pada hari ini apa yang selalu di-dapati ia-lah kurang-nya kaum kita umat Islam yang maseh kuat sehat tidak mahu menundukkan kepala sujud menyembah Allah terutama sembahyang Juma'at di-masjid2, dengan lain2 perkataan banyak di-antara kaum belia kita tidak mahu bersembahyang Juma'at pada hal belia2-lah yang akan menjadikan negara itu baik atau burok-nya. Ini ada-lah di-dapati mengikut laporan daripada masjid2 di-seluruh negeri pada tiap2 bulan.

Sa-bagaimana di-ketahui bahawa sembahyang Juma'at ada-lah fardhu 'ain, sama seperti sembahyang lima waktu yang lain dengan shara'at ada-lah satu parkara she'air Islam di-dalam bermasharakat, kerana Juma'at itu tidak di-buat oleh tiap2 umat Islam bersendirian bahkan mesti berkehendakkan di-tempat yang khas dan berjemaah dengan bilangan banyak dan tidak ku-

Kurang-nya belia2 bersembahyang Jumaat di-kesalkan

KHUTBAH JUMA'AT

rang daripada shara'at dan peratoran yang tertentu.

Kewajipan sembahyang Juma'at itu telah di-sebutkan dalam Al-Quran surat Al-Juma'at ayat 9 hingga 10 yang bermaksud:

"Wahai orang2 yang beriman apabila di-serukan untuk mengerjakan sembahyang Juma'at, maka segeralah kamu mengingat Tuhan dan tinggalkanlah jual beli, sesungguhnya itu ada-lah lebih

baik untuk kamu jika kamu mengetahu. Dan apabila selesai mengerjakan sembahyang, maka pergi-lah kamu untuk mencari rezeki Tuhan, dan ingat-lah Tuhan mu sabanyak2-nya supaya kamu menjadi beruntung".

Oleh itu masjid2 yang di-bena oleh orang ramai atau kerajaan dengan baik dan sempurna, janganlah di-biarkan kosong atau hanya di-penuhi oleh orang2 tua sahaja, kemuliaan masjid dan faedah-nya

ada-lah untuk semua orang Islam dan faedah-nya itu tidak akan di-dapati melainkan orang yang beribadat di-dalam-nya atau menggunakan-nya untuk perkara yang bukan ma'asiat dan menchemarkan kehormatan masjid itu.

Moga2 dengan keinsafan dan amalan dengan iman yang kukuh daripada segenap lapisan masharakat kita agama Islam di-sanjong tinggi dan pemelok2-nya akan hidup bersatu padu dan aman damai. Amin ya rabul alamin.

Jemaah2 haji Brunei pulang 8 Mach

BANDAR BRUNEI.—Saramai 391 orang jema'ah haji Brunei yang telah selesai mengerjakan fardhu haji akan pulang ka-tanah ayer dalam bulan depan.

Jema'ah2 haji yang pergi ka-Mekah dengan kapal terbang di-jangka akan tiba di-Brunei pada 8 dan 15 Mach dan jemaah2 haji yang pergi dengan kapal

laut di-jangka akan tiba pada 16 Mach.

Sa-orang juruchakap bagi Jabatan Hal Ehwal Ugama berkata, saudara2 mara jema'ah2 haji tidak akan di-benarkan masuk ka-kawasan2 yang di-khususkan semasa jema'ah2 haji itu tiba langkah ini di-ambil ada-lah untuk menjaga keselamatan dan kesihatan mereka.

Juruchakap itu berkata, hanya satu sahaja surat kebenaran akan di-keluarkan kepada sa-orang dari keluarga jema'ah haji itu untuk membolehkan masuk ka-kawasan khas untuk membawa barang2 jema'ah haji itu keluar.

Surat2 kebenaran itu akan di-keluarkan oleh Jabatan Hal Ehwal Ugama tidak berapa lama lagi.

Melawat penuntut2 Ugama Brunei di-M'sia Barat

BANDAR BRUNEI.—Pegawainya Hal Ehwal Ugama, Yang Amat Mulia Pengiran Indera Mahkota Pengiran Haji Muda Kemaluddin telah berlepas ka-Singapura pada minggu lalu untuk melawat penuntut2 Ugama Brunei yang belajar di-republik itu dan Malaysia Barat.

Turut mengiringi beliau ialah Setia Usaha Jabatan Hal Ehwal Ugama, Awang Haji Abdullah bin Metasan dan Nazir Sekolah2 Ugama Daerah Brunei-Muara, Awang Abdul Rahman bin Khatib Abdullah.

Waktu2 Sembahyang, Imsak dan Matahari Terbit

Waktu2 sembahyang, imsak dari matahari terbit bagi Daerah2 Brunei/Muara, Tutong dan Temburong mulai hari Rabu 25 Feb. 1970 hingga ka hari Selasa 3 Mach 1970 ada-lah seperti di-bawah ini:—

Hari	Bulan	Dzohor	Asar	Magrib	Isha	Imsak	Suboh	Matahari Terbit
25 Feb.		12-39	3-59	6-38	7-49	5-04	5-18	6-33
26 Feb.		12-38	3-58	6-38	7-48	5-03	5-17	6-32
27 Feb.		12-38	3-58	6-38	7-48	5-03	5-17	6-32
28 Feb.		12-38	3-58	6-38	7-48	5-03	5-17	6-32
1 Mach		12-38	5-57	6-38	7-49	5-01	5-16	6-31
2 Mach		12-38	3-57	6-38	7-49	5-01	5-16	6-31
3 Mach		12-38	3-57	6-38	7-49	5-01	5-16	6-31

Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluruh Negeri Brunei di-mulai pada pukul 12-45 tengah hari.

PELITA BRUNEI

25hb. Februari 1970

INGAT SA-BELUM KENA

DALAM jangka yang singkat Brunei di-ramaiakan bebas dari sekatan2 yang telah dikenakan kerana mencegah dari merebaknya wabak taun atau kolera yang di-ishtiharkan berlaku di-negeri ini pada 20hb. Januari lalu berikutan dengan terdapatnya tujuh orang penduduk2 daerah Brunei/Muara di-serang oleh kolera.

Penyakit itu di-katakan senang berjangkit dan lekas merebak jika keadaan kebersihan kurang baik dan pada kemuncak wabak itu 20 orang di-dapati sah menghidap kolera dari 24 orang termasuk tiga orang kanak2 yang di-rawat di-rumah sakit besar Bandar Brunei kerana di-shaki telah di-serang oleh kolera.

Sekatan2 yang di-kenakan itu sudah tentu tidak menyenangkan penduduk2 negeri kerana langkah2 itu membatasi dan menyekat pergaulan, perijinan, perniagaan dan perhimpunan sukan. Bahkan pelajaran dan lain2 aspek kemasyarakatan yang di-anggap boleh melambatkan kembali-nya keadaan sedia kala juga telah terganggu.

Apa jua penyakit yang berjangkit dapat di-hindarkan dari berlaku dan menjadi wabak asal-kan rayat patuh kepada segala arahan2 perubatan dan sedia menitik beratkan chara2 menjauhi-nya. Penyakit kolera tidak terkecuali kerana ia sangat senang di-cegah jika rayat sentiasa menyedari bahawa ada-lah perlu bagi tiap2 orang kecil dan besar datang ka-rumah sakit, gedong2 perubatan atau klinik2 bersuntik selang enam bulan sa-kali untuk mendapatkan perlindungan dari serangan kolera.

Walaupun Brunei akan bebas dari sekatan2 yang berjalan sekarang ia-itu sa-telah genap dua minggu penghidap yang terakhir di-rawat sembuh, rayat hendaklah terus waspada supaya wabak itu jangan berulang dan merugikan masyarakat. Ingatlah sa-belum kena dengan menjaga kebersihan dan janganlah di-biarkan alat membiak di-sekitar kawasan rumah dan kampung.

Wabak itu dengan pesat telah dapat di-kawal ada-lah bukti checkapan pihak2 berkuasa yang berkenaan. Kerajaan tidak berengah2 lagi telah mengishtiharkan negeri ini sa-bagai suatu kawasan penyakit berjangkit sa-baik sahaja orang2 yang di-masukkan ka-rumah sakit itu sah di-serang oleh kolera.

Dari pengishtiharan itu maka di-gerakan pula segala usaha dan langkah2 untuk mengawal penyakit itu dari merebak keseluruh negeri. Penduduk2 telah di-seru melalui radio supaya datang bersuntik di-rumah2 sakit dan klinik2 kerajaan. Sekatan jalan segera di-adakan dan perhimpunan orang ramai seperti tamu dan sa-umpama-nya segera di-larang supaya terbatasi peluang penyakit itu berjangkit ka-kawasan2 negeri yang sehat. Rombongan2 penyuntik telah di-hantar ka-daerah2 pendalaman untuk memberi perlindungan perubatan segera kepada rayat.

Rakyat telah menyambut baik seru2, nasihat2 dan larangan2 kesihatan itu dan dengan kerjasama mereka mudah2an Brunei akan bebas dari sekatan2 yang telah di-kenakan itu menjelang minggu hadapan.



KUALA BELAIT. — Bahagian Melayu Radio Brunei telah mengadakan ranchangan Pesta Ria bersempena menyambut Hari Raya Aidil Adha bertempat di-Dewan Kemasyarakatan Kuala Belait pada 17 Februari lepas.

Di-antara achara2 yang telah di-persembahkan pada malam itu ia-lah lawak jenaka dan persembahan nyanyian daripada para penyanyi kumpolan Gitar R a n c h a k 'Buana Five' dan Gema Senandong serta sa-buah pancharagam yang baru munchol 'Perdana'.

Gambar atas menunjukkan sa-bahagian daripada penuntun yang telah menyaksikan temasha yang meriah itu sementara gambar kanan menunjukkan tiga serangkai yang terdiri dari Ahim Al-Haj, Yahya M. S. dan H. M. Hellen dalam ranchangan Mari Ketawa.



Keputusan peraduan Al-Quran anjoran 'INSAP'

BANDAR BRUNEI. — Seksi Ugama Persatuan Ikatan Setia Pahlawan — INSAP telah berjaya mengendalikan sembahyang Hari Raya Haji di-dewan persatuan itu pada 17 Februari lepas.

Ini ada-lah kali kedua-nya persatuan itu mengendalikan sembahyang Hari Raya Aidil Adha. dan ramai penduduk2 Kampong Setia Pahlawan dan penduduk2 di-kampung2 sekitar-nya turut berjemaah pada hari itu.

Bersempena menyambut Hari Raya Aidil Adha itu, Persatuan INSAP juga telah mengadakan peraduan membaca kitab suci Al-Quran bagi ahli2-nya dan ahli2 persatuan2 belia di-Daerah Brunei-Muara.

Di-samping menyambut Hari Raya Haji, peraduan itu juga ada-lah projek tahunan persatuan tersebut.

Keputusan2 peraduan ada-lah seperti berikut:

Bahagian Belia2 Daerah Brunei/Muara — lelaki: Johan — Awang Tarsad bin Haji Latif — KEMUKA; naib-johan — Awang Johari bin Pehin Bendahari Haji Omar, PERANGKAP dan ketiga — Awang Metussin bin Haji Mohammad, BAHTRAMU.

Bahagian Belia2 Daerah Brunei/Muara — perempuan: Johan — Dk. Rosnah bte Pg. Sulaiman, BAHTRAMU; naib-johan — Dayang Noor bte Ladi, KEMUKA dan ketiga — Dayang Salbiah bte Begawan Mudim Haji Adnan, PERANGKAP.

Johan kumpulan terbaik bagi ahli2 persatuan belia Daerah Brunei/Muara di-menangi oleh persatuan BAHTRAMU.

Bahagian lelaki dewasa Kampong Setia Pahlawan: Johan — Awang Haji Asri bin Haji Puteh; naib johan — Awang Roslan bin Abd. Latif dan ketiga — Awang Md. Yassin bin Damit.

Bahagian perempuan dewasa Kampong Setia Pahlawan: Johan — Dayang Safiah bte Tahir dan naib johan — Dayang Rasni bte Mohammad.

Bahagian kanak2 Kampong Setia Pahlawan: Johan — Awang Hanifah bin Ismail; naib johan —

Awang Tasim bin Haji Metali dan ketiga — Awang Abd. Rahman bin Haji Md. Noor.

Bahagian ahli2 Persatuan INSAP — lelaki: Johan — Awang Ghani bin Haji Abd. Rahman, naib-johan — Awang Omar bin Haji Metassin dan ketiga — Awang Jaafar bin Metassin.

Bahagian ahli2 Persatuan INSAP — perempuan: Johan — Dayang Nauyah bte Munap, naib-johan — Dayang Ramlah bte Haji Masri dan ketiga — Dayang Rohani bte Abdullah.

Johan terbaik bagi belia2 Daerah Brunei/Muara telah menerima perisai rebutan yang di-hadiahkan oleh Ketua Pos Agong, Pengiran Bahar bin Pengiran Anak Hashim, manakala johan terbaik bagi perempuan telah menerima perisai rebutan yang di-hadiahkan oleh Pemangku Setia Usaha Kerajaan, Yang Berhormat, Dato Paduka Awang Mohd. Taib bin Awang Besar. Sementara johan terbaik bahagian lelaki menerima perisai rebutan hadiah Awang Hapidz Laksamana.

Hadiah2 kepada pemenang2 dalam peraduan itu telah di-sampaikan oleh Setia Usaha Jabatan Hal Ehwal Ugama, Haji Awang Abdullah bin Metassin.

PESTA UGAMA ANJORAN

MAJLIS BELIA2 BELAIT

KUALA BELAIT. — Pesta Uğama yang di-anjorkan oleh Majlis Belia2 Daerah Belait telah di-adakan pada 19 Februari lepas.

Pesta yang di-adakan bersempena menyambut Hari Raya Haji itu telah berlangsung di-Dewan Kemasharakatan Kuala Belait dan telah dirasmikan oleh Pegawai Daerah Belait, Awang Haji Ali Khan bin Abdul Khan.

Dalam ucapan-nya sabelum merasmikan majlis tersebut, beliau telah mengucapkan tahniah kepada ahli2 jawatankuasa Majlis Belia daerah itu atas usaha mereka menganjorkan pesta itu dan beliau berharap semoga usaha2 saperti itu akan di-teruskan dimasa depan.

Awang Haji Ali Khan berkata, selaku Pegawai Daerah beliau akan memberi pertolongan yang akan mendatangkan faedah kepada belia2 di-daerah itu.

Turut memberikan ucapan dalam majlis itu ia-lah Naib Yang Di-Pertua MBB, Awang Jaya bin Abdul Latif, Pengerusi Jawatankuasa Sambutan Pesta Uğama, Awang Hashim Suhaimi dan Ustaz Abdul Latif bin Haji Hashim dari Jabatan Hal Ehwal Uğama.

Dalam pesta tersebut beberapa acara persembahan telah di-adakan termasuk peraduan sharahan bagi lelaki dan perempuan.

Keputusan peraduan adalah saperti berikut:

Sharahan Bahagian lelaki: Pertama — Awang Hassan bin Abu Bakar; kedua — Awang Jumaat bin Idris dan ketiga Awangku Abdul Rahman bin Pengiran Abas.

Sharahan bahagian perempuan: Pertama — Dayang Rafe'ah bte Md. Hussain, kedua — Dayang Nafisah bte Mat dan ketiga Dayang Masni bte Awang Damit.

Gambar kanan: Awang Haji Ali Khan sedang berucap sa-belum merasmikan Pesta Uğama anjoran M.B.B. Daerah Belait. Sementara gambar bawah, isteri Pegawai Daerah itu, Dayangku Aisah sedang menyampaikan piala kepada Dayan Rafe'ah bte M. Hussain yang telah berjaya mendapat tempat pertama dalam peraduan sharahan pada malam itu.



Pembinaan jambatan2

Kampong Ayer telah siap

BANDAR BRUNEI. — Kerja2 pembinaan enam belas buah jambatan tambahan di-Kampong Ayer yang panjangnya berjumlah 4,443 kaki sudah pun siap.

Jambatan2 itu di-bena oleh Jabatan Kerja Raya dan dengan peruntukkan yang diberikan oleh Pejabat Daerah Brunei-Muara.

Sa-orang juruchapak Jabatan Kerja Raya berkata, jambatan yang panjang sekali ialah 820 kaki yang menghubungkan Kampong Sungai Kedayan "B" dengan kawasan masjid Omar Ali Saifuddin.

Satengah dari jambatan2 itu ada-lah tambahan kepada yang sedia ada yang asal-nya di-bena untuk menempatkan saloran bekalan ayer.

Jambatan2 itu pada umumnya menghubungkan sa-buah kampong ka-sebuah kampong yang lain dan sa-bagai jalan keluar ka-bandar tanpa menggunakan perahu.

Saifuddin Bandar Brunei dan di-Maktab Anthony Abell di-Seria.

Perlumbaan rentas desa perengkat negeri

BANDAR BRUNEI. — Pesta sukan sekolah2 rendah Melayu Brunei bagi tahun ini telah ditetapkan berlangsung dalam bulan Jun.

Ini di-dahului oleh lomba merentas desa perengkat negeri yang akan di-adakan pada 1

Mach, 1970 di-Bandar Brunei.

Sa-orang juruchapak bagi Jabatan Pelajaran berkata, sa-lain dari acara2 sukan, beberapa permainan juga akan dipertandingkan dalam pesta itu bagi kanak2 lelaki dan perempuan.

Sekolah baru bagi Kampong Bukit Sawat

KUALA BELAIT. — Bukit Sawat di-Ulu Belait akan mempunyai sa-buah Sekolah Melayu yang baru apabila kerja membena sekolah itu siap pada hujung bulan September tahun ini.

Kerja itu mengandungi pembenaan sa-buah bangunan sekolah yang mengandungi enam buah bilek darjah, pejabat bagi guru besar, bilek guru2 dan empat buah rumah bagi guru2.

Sa-orang juruchapak bagi Jabatan Kerja Raya berkata, ia-nya ada-lah sekolah yang kedua di-Bukit Sawat yang di-bena oleh kerajaan.

Sementara itu kerajaan menjemput tender bagi pembenaan bilek makan, tambahan kepada sekolah dan lain2 kerja di-Sekolah Melayu Dato Gandi di-Daerah Brunei.

Semua keterangan2 boleh didapati dari pejabat Pengarah Kerja Raya di-Bandar Brunei.

Pembinaan jalan baru KB/Seria

KUALA BELAIT. — Kerja2 menambak pasir di-jalan baru yang di-ranchangkan antara jalan keliling di-batu 4 dan Jalan Panglima di-Kuala Belait hampir2 siap.

Pembinaan Jalan sa-jauh empat batu itu telah di-mulakan lewat dalam tahun 1966.

Apabila ia-nya siap merupakan satu lagi jalan dari Seria menuju ka-Kuala Belait.

PELADANG MULAUT BUKA TANAH

BANDAR BRUNEI. — Ahli2 Persatuan Peladang Kampong Mulaut di-Daerah Brunei-Muara telah membuka 65 ekar tanah untuk berchuchok tanam.

Mereka telah di-beri kebenaran menggunakan tanah yang terletak di-Jalan kekil antara Mulaut dan Bebatik itu oleh kerajaan dengan chara T.O.L.

Yang Di-Pertua Persatuan itu, Awang Abdul Rashid bin Haji Bandal menyatakan bahawa tanah itu akan di-bahagi2kan kepada 65 orang ahli persatuan itu.

Awang Abdul Rashid menerangkan bahawa ahli2 persatuan itu telah mengendalikan lain2 projek termasuk membena tali ayer dengan chara gotong royong.

Permainan2 itu termasuk bola sepak, hoki, bola tampar, sepak raga dan bola keranjang.

Juruchapak itu berkata, murid2 sekolah sekarang sedang menjalani latihan bagi pesta sukan itu.

99 orang chalun masok pereksa G.C.E.

BANDAR BRUNEI. — Sa-ramai 99 orang chalun per-sendirian akan mengambil pereksaan Sijil Pelajaran Am dalam bulan Jun tahun ini.

Sa-orang juruchapak bagi Jabatan Pelajaran berkata, 45 dari chalun2 itu ada-lah dari Daerah Brunei-Muara dan 54 dari Daerah Belait.

Pepereksaan itu akan di-adakan dari 1 hingga 19 Jun di-Maktab Sultan Omar Ali

PENGKAJIAN terhadap kesusasteraan Melayu lama bukan-lah suatu perkara yang mudah. Banyak kerumitan2 dan masa'alah2 yang mesti diatasi; ada kala-nya masa'alah2 itu tidak dapat diatasi sama sekali. Sebab pengkajian kesusasteraan Melayu lama akan membawa kita ka-zaman animisma lagi, zaman sebelum terdapat pengaruh Hindu. Masyarakat pada zaman itu ia-lah masyarakat primitif, masyarakat yang rapat sekali hubungan-nya dengan alam samista.

Sa-bagai yang di-ketahui, sebelum orang2 Melayu zaman dahulu mengenal huruf dan mempelajari ilmu tulis menulis, mereka telah sedia mempunyai pengertian dan telah ada menggunakan dalam pergaulan hidup mereka sa-hari2 berbagai gubahan bahasa yang bernilai sastera. Dalam memperjuangkan kehidupan, dalam menchari sebab akibat sa-suatu benda yang tidak dapat difikirkan oleh akal biasa, dalam pengalaman2 mereka mengajar dan mendidik anak2 kecil dan lain2-nya, maka timbulah berbagai2 bentuk sastera raayat. Di-antara-nya bidalan, peribahasa, kiasan, gurindam, pantun dan sa-bagai-nya.

Kerana ada-nya faktor2 tersebut, selalu di-perkatakan orang bahawa chorak kesusasteraan yang paling tua sekali ia-lah kesusasteraan raayat atau lisan. Kesusasteraan raayat di-katakan chorak kesusasteraan yang tertua sekali ia-lah kerana sa-belum sa-suatu bangsa itu mengenal dan pandai ilmu tulis menulis, mereka menyatakan buah fikiran yang thabit pada akal, cerita2, perasaan hati, kesimpulan pendapat, semua-nya di-sampaikan dengan jalan lisan sahaja. Tetapi apabila sa-suatu bangsa atau masyarakat itu sudah mengenal dan pandai ilmu tulis menulis, namun kesusasteraan lisan masih hidup lagi dalam masyarakat itu. Biasa-nya kedua chorak sastera itu sa-lari; satu gulongan masyarakat menghasilkan sastera yang berchorak tulisan dan satu gulongan lagi menghasilkan sastera lisan.

Dalam bidang pengkajian kesusasteraan Melayu lama, kesusasteraan lisan itu di-katakan penghasilan sastera di-kalangan raayat, sementara tradisi tertulis itu pula di-katakan penghasilan gulongan istana. Umum-nya sastera tertulis gulongan istana itu mencherminikan tingkat2 zaman yang

KESUSASTERAAN RAAYAT

SIRI PERTAMA

Oleh:

Idris Abdul Ghani B.A., Dip. of Ed.

S.M.M. Jalan Muara, Brunei

di-lalui oleh masyarakat Melayu dalam sejarah-nya, bagitu juga sastera lisan di-kalangan raayat itu mencherminikan juga pekara ini. Tetapi dalam kesusasteraan raayat nyata menunjukkan pemupukan unsur2 kebudayaan yang baru terdapat pada gulongan2 yang hidup jauh terpenchil dari dunia ramai dan belum dibawa dalam arus lalu lintas international. Masyarakat mereka tertutup dan konserbatif. Sebab anggota2-nya hanya hidup dalam kurungan daerah-nya sendiri. Kehidupan mereka langsung tergantung kepada keadaan alam. Lantas cerita2 lisan itu di-pertuturkan mereka dari satu jenerasi ka-satu jenerasi yang mendatang kemudian-nya sahingga isi-nya ditukok tambah dari sa-tempat ka-satempat.

Masyarakat di-masa sastera raayat tumbuh ada-lah masyarakat yang statis, masyarakat yang mementingkan perpatohan ramai kepada peratoran2 yang terdapat dalam masyarakat. Sastera-nya ada-lah kepunyaan umum, ia berlatar belakangkan masyarakat zaman-nya. Banyak daripada hasil2-nya bersifat universal, ia-itu di-kenal oleh beberapa kumpulan manusia.

Mengkaji dari usaha2 yang di-lakukan oleh ahli2 penyelidikan, kita mendapati kesusasteraan raayat Melayu jauh berbeza dengan kesusasteraan2 raayat bangsa asing, sama-ada dalam segi bentuk cerita, chiri, chorak pemikiran mau pun isi-nya. Hal ini boleh berlaku ia-lah kerana soal keadaan sekeliling yang serupa dan kehendak2 hidup yang serupa yang mungkin melahirkan cerita yang sama, terutama cerita2 yang bermotif binatang dan cerita2 penglipor-lara.

Untuk menunjukkan persamaan dalam bentuk cerita mau pun isi-nya, saya bawakan beberapa contoh cerita yang

selalu kita dengar tentang Bagaimana Belanda mendapat tanah". Menurut cerita-nya, semasa orang Belanda mula sampai, mereka meminta hendak membeli tanah kepada orang Melayu seluas belulang. Tetapi apabila permintaan mereka diterima, lantas mereka pun dengan tidak berlelah2 lagi menggantung belulang itu kechil2 di-buat sa-besar tali pinggang, kemudian menyambungkan-nya satu demi satu sahingga tanah yang di-ukor-nya itu luas-nya mengikut tingkongan kulit itu.

Cerita yang lain pula berlaku di-Amerika Utara di-kalangan orang2 'Red Indian,' juga berhubung dengan orang2 Perancis membeli tanah. Konon-nya mereka pada mula-nya chuma hendak membeli tanah sa-luas sa-buah kerusi.

Sa-baik sahaja permintaan mereka di-luluskan, mereka pun mula-lah merombak siratan tali yang ada pada kerusi itu dan menyambungkan-nya, kemudian melingkarkan nya seluas tanah yang dapat di-lingkongi oleh tali itu.

Cerita yang sama juga kita dapati di-daerah alam Melayu ini. Sa-orang anak raja di-Pulau Bali telah meminta orang2 di-daerah itu supaya menanam bangkai kuda-nya yang telah mati. Anak raja itu berjanji akan menghadiahkan tanah sa-luas sampai mana terbau-nya bangkai kuda itu. Apabila mendengar janji anak raja itu, beberapa orang di-antara mereka pun bermashuarat akhir-nya mereka bersatuju sa-belum di-tanam, daging bangkai kuda itu di-potong2 dan di-champakan kamerata2 tempat yang jauh. Akhir-nya mereka memperoleh tanah yang luas di-sebabkan ada-nya bau ketul2 daging yang diserakan itu.

Memerhatikan kepada ketiga2 cerita tersebut, dapatalah kita membuat kesimpulan

bagaimana persamaan-nya cerita2 raayat di-kalangan bangsa2 di-dunia ini. Hasil penyelidikan menunjukkan faktor2 utama-nya persamaan itu ia-lah; keadaan sekeliling yang serupa dan kehendak2 hidup yang serupa telah menimbulkan chorak pemikiran yang melahirkan cerita2 yang serupa.

Hasil dari kajian yang di-lakukan menunjukkan chorak kesusasteraan raayat yang tertua sekali ia-lah cerita2 yang menerangkan usul-asal pekara2 dan benda2 yang berkait rapat dengan kehidupan manusia. Ini ada-lah meliputi keperchayaan, kejadian alam, mithal-nya bagaimana terjadi-nya sungai, atau bagaimana terjadi-nya manusia, tumbuhan2 seperti pokok jagong, keladi; atau pun kejadian seperti guroh, gempa bumi, hujan dan sa-terus-nya.

Cerita2 asal-usul ini menjadi keperchayaan dan keperchayaan ini sama arti-nya dengan keperchayaan Ugama yang kita ketahui sekarang. Kita sendiri tahu bahawa hidup kita berkehendakan sa-suatu yang horamani yang sa - imbangan dengan chorak hidup kita sendiri. Jadi cerita2 ini memberikan suatu alasan yang dapat di-terima mengenai wujud-nya sa-suatu benda. Soal logik dan batasan dalam keperchayaan-nya, tetapi apabila keperchayaan2 itu di-ambil oleh pegangan keperchayaan Ugama2 seperti Ugama Hindu, Budha dan Islam, maka keperchayaan2 itu dengan sendiri nya mula menurun lalu menjadi cerita2 yang menerangkan asal-usul kejadian alam sahaja. Walau pun cerita2 itu di-perchayai benar-nya, tetapi tidak-lah lagi merupakan pegangan keperchayaan, malah sa-tengah2 orang menganggap sa-bagai cerita2 dongeng sahaja.

Dalam gulongan cerita2 usul-asal itu terdapat juga cerita2 yang menerangkan bagaimana terjadi-nya gunung, mithal-nya Gunung Jerai, konon asal-nya Gunung Jerai ini ia-lah sa-buah kapal yang membawa puteri Gerai, Bukit Perak ada-lah sa-orang anak raja Perak dan Gunung Tegal yang dudok-nya antara kedua gunung itu tadi ada-lah pendamai dalam perbalahan antara tuan puteri dan anak raja itu. Tetapi ketiga2-nya telah menjadi batu bila d-tegor oleh Sang Gedembai. Bagitu juga dengan tempat Samudera dan Pasai. Samudera konon-nya berasal dari semut yang besar dan Pasai di-hubungkan dengan kisah pelandok puteh menendang anjing Merah Silu (Malikus-Saleh) yang bernama Pasai. — BERSAMBONG.

Hoki AMDB: 40 pasokan ikut serta

BANDAR BRUNEI.—Empat puluh buah pasokan, termasuk dua dari Labuan, Sabah telah di-daftarkan untuk memasuki perlawanan hoki enam sa-pasokan yang di-anjorkan oleh Askar Melayu Di-Raja Brunei.

Pasokan2 itu mewakili sekolah2, persatuan2, jabatan2 Kerajaan, kelab2, polis dan pasokan2 bersenjata.

Perlawanan tersebut akan di-adakan di-Berakas Kem pada hari Ahad 8 Mach dan ia-nya akan di-jalankan sahara kalah mati.

Pasokan yang berjaya menjadi johan dalam perlawanan itu nanti akan menerima piala rebutan yang telah di-hadiahkan oleh Lt. Awang Abdul Rahman bin Mustapha.

Pada tahun lalu, piala tersebut telah di-menangi oleh pasokan Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin, Bandar Brunei.

Chalun2 di-pelawa untuk masok pereksa S.R.P.

BANDAR BRUNEI. — Jabatan Pelajaran sedang menerima permohonan dari chalun2 persendirian yang ingin memasuki pereksaan Sijil Rendah Pelajaran aliran Melayu dan Inggeris.

Sa-orang juruchakap Jabatan Pelajaran berkata, pereksaan itu akan di-adakan dalam bulan Oktober tahun ini di-Bandar Brunei, Tutong, Temburong, Seria dan Kuala Belait.

Chalun2 yang ingin memasuki pereksaan itu hendaklah dapat memberikan bukti mengenai pelajaran-nya di-tingkatan tiga baru2 ini, atau mendapat sukongan dari guru2 besar sekolah2 menengah di-Brunei.

Bayaran bagi sijil penuh ialah sa-banyak \$15.00 dan \$3.00 bagi satu perkara dalam bahasa.

Borang2 permohonan kerana pereksaan itu boleh di-dapati

sekarang dari Jabatan Pelajaran Bandar Brunei dan dari Penyusun2 Pelajaran Kelas Dewasa di-negeri ini.

Semua borang2 bersama

wang bayaran memasoki pereksaan itu hendaklah sampai di-Pejabat Pelajaran Bandar Brunei tidak lewat dari 5 Mach hadapan.



Gambar atas menunjukkan Juru Ukor Agong, Awang N. C. Peat sedang menyampaikan chenderamata hadiah dari pegawai2 dan kakitangan Jabatan Ukor kepada Penolong Juru Ukor, Awang Haji Mohammad Yassin bin Abdullah yang telah bersara dari perkhidmatan kerajaan sa-telah berkhidmat selama 23 tahun.

Upacara menyampaikan chenderamata itu telah di-adakan dalam majlis perpisahan bagi meraikan beliau yang telah di-adakan oleh pegawai2 dan kaki-tangan Jabatan Ukor di-pejabat itu baru2 ini.

Dalam ucapan rengkas-nya, Awang Peat antara lain memuji Awang Haji Mat Yassin atas jasa2 perkhidmatan beliau selama 23 tahun itu.

Di-Jabatan Dewan Bahasa dan Pustaka

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada chalun2 yang menjadi ra'ayat D.Y.M.M. Sultan untuk memenohi jawatan2 kosong yang berikut di-Jabatan Dewan Bahasa dan Pustaka, Brunei.

A) PEMBANTU PERKEMBANGAN BAHASA

Kelayakan2:

- Pemohon2 mesti-lah lulus sekurang2-nya Form V atau kelayakan yang sebanding dengan-nya.
- Mesti - lah mempunyai pengetahuan bahasa Melayu yang baik dan akan di - kehendaki mengambil satu ujian

tentang kechenderongan mereka dalam pekerjaan ini.

Gaji:

Dalam sukatan gaji D1-2-3 EB4 — \$210 x 10 — 270 x 15 — 360 x 20 — 480/EB/500 x 20 — 620. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan2 dan pengalaman.

B) JURU TAIP

Kelayakan2:

- Pemohon2 mesti - lah orang2 Melayu yang berkelulusan Tingkatan III di-Sekolah Menengah Kerajaan atau yang sebanding dengan-nya.


- Boleh menaip sa-chepat 40 perkataan dalam sa-minit.

Gaji:

Dalam sukatan gaji D1-2-3 EB4—\$210 x 10—270 x 15—360 x 20 — 480/EB/500 x 20 — 620. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan2 dan pengalaman.

Permohonan2 yang mesti di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat daripada 5 Mach, 1970.

SI-TUYU oleh: m. sallah ibrahim



PENGAKAP2 RA'IKAN HARI PENGASAS PENGAKAP

BANDAR BRUNEI. — Pengakap2 dan Pandu Puteri di seluruh negeri telah mengadakan sambutan bagi memperingati hari lahir Lord Baden Powell, pengasas pergerakan pengakap sa-dunia pada 22 Februari lepas.

Di-Belait, pengakap2 di-daerah itu telah mengadakan beberapa persembahan dalam upacara memperingati Hari Pengasas Pengakap yang telah di-adakan di-pekarangan rumah kediaman Pegawai Daerah Belait yang juga selaku Pesuruhjaya Pengakap Negeri Brunei.

Achara2 yang di-persembahkan pada hari itu termasuklah pertunjukkan pertolongan chemas, permainan dan temasha unggun api.

Pengakap2 di-Daerah Brunei telah juga mengadakan sambutan yang sama pada hari itu.

Bersempena dengan memperingati Hari Pengasas Pengakap itu Ketua Pengakap Agong Commonwealth, Sir

Charles Maclean telah memberikan ucapan kepada seluruh pengakap di-dunia.

Ucapan itu telah di-siarkan melalui Radio Brunei pada pagi hari tersebut dan di-bacakan oleh Tuan Yang Terutama Pesuruhjaya Tinggi British di-Brunei, Awang A. R. Adair yang juga selaku Pengakap Agong Negeri Brunei.

Ucapan Sir Charles Maclean dengan sa-penoh-nya adalah seperti berikut:

"Ada-kah kamu terfikir bahawa nama baik pergerakan Pengakap itu ada-lah tergantung ka-atas setiap diri kita, daripada Ketua Pengakap hingga kepada Pengakap Anak Serigala?"

Tidak lama dulu saya mendengar ada sa-orang mengatakan bahawa pada fikiran-nya pengakap masa ini tidak-lah begitu baik seperti pengakap dulu semasa ia budak2 lagi. Apabila di-tanya kenapa dia berfikir begitu, maka jawab-nya satu pasokan pengakap baru2 ini telah berkhemah di-tanah-nya dan meninggalkan tempat itu dengan keadaan yang kotor dan tidak teratur.

Orang ini telah memandang keseluruhan pergerakan Pengakap berdasarkan kepada satu kejadian yang melibatkan enam budak2 yang berkelakuan tidak baik. Sungguhpun pendapat-nya ini tidak patut dan tidak adil, namun banyak orang2 yang akan berbuat serupa itu.

Kelakuan yang serupa ini dan kelakuan2 yang lain yang tidak baik boleh terjadi di-mana2 saja di-dunia ini dengan sangkaan buruk itu, sebab itu kita hendak-lah dengan sedaya upaya-nya selalu berkelakuan yang boleh membawa nama baik pergerakan yang mana kita dengan bangga-nya menjadi ahli.

Saya juga ingin mengingatkan kepada kamu bahawa pengasas kita telah memberi tahu supaya kita bergerak chergas dalam membuat sa-suatu yang baik daripada menjadi sa-orang yang baik sa-chara pasif; jadi jangan lupa giliran kita untuk membuat sa-suatu yang baik."

Penyisatan lalu lintas selesai

BANDAR BRUNEI. — Kerja2 bagi penyisatan perjalanan lalu lintas yang di-laksanakan oleh Bahagian Perancang Bandar Jabatan Kemajuan, telah pun selesai.

Sa-orang juruchakap jabatan itu berkata, dengan siap-nya kerja2 itu, jabatan tersebut sekarang dapat menjalankan kerja mengenai penyisatan selanjut-nya tentang perancangan.

Ini juga akan membolehkan ramalan di-buat mengenai tempat penarohan kereta yang diperlukan berhubung dengan besar-nya bangunan2.

Kerja2 penyisatan itu meliputi bangunan2 jabatan kerajaan, bangunan2 perniagaan dan perumahan.



Tiga orang yang telah di-chalunkan untuk memegang jawatan sa-bagai Ketua Kampong Bukit Panggal. (Dari kanan) Haji Momin bin Asmat, Diman bin Ismail dan Ahad bin Bungsu.

Tiga orang di-chalunkan untuk ketua kampong

TUTONG. — Tiga orang telah di-chalunkan untuk memenohi jawatan sa-bagai Ketua Kampong Bukit Panggal di-Daerah Tutong.

Mereka ia-lah Awang Haji Momin bin Asmat, Awang Diman bin Ismail dan Awang Ahad bin Bungsu.

Ketiga2 orang itu telah di-chalunkan dalam satu pemilihan yang telah di-adakan di-Sekolah Melayu Kampong Bukit Panggal pada hari Sabtu lepas.

Pegawai Daerah Tutong, Pengiran Othman bin Pengiran Anak Mohammad Salleh yang mempengerusikan penchalunan itu berkata, nama ketiga2 orang chalun itu akan di-kemukakan kepada kerajaan untuk di-siasat sa-belum salah sa-orang daripada mereka itu di-pilih sa-bagai ketua di-kampong itu.

Jawatan ketua kampong itu telah kosong di-sebabkan kematian ketua kampong yang lama.

Lima usol di-luluskan dalam M. M. D. B.

KUALA BELAIT. — Majlis Mashuarat Daerah Belait dalam sidang bulanan-nya yang berlangsung pada hari Sabtu lepas telah meluluskan lima usol.

Usol2 tersebut masing2 telah di-kemukakan oleh Awang Ibrahim bin Abd. Ghani, Yang Berhormat Awang Zainal Abidin bin Puteh, Awang Ismail bin Duraman, Yang Berhormat Pengiran Md. Yusof bin Pengiran Bakar dan Malai Mashor bin Malai Haji Abd. Hamid.

Usol yang pertama di-luluskan dalam sidang itu ia-lah meminta pehak Shariat Minyak Shell meletakkan tanda2 berhenti di-simpang2 Lorong 4, 5, 6 dan 7 Barat di-Jalan Dua Selatan Setia.

Usol tersebut telah di-kemukakan oleh Awang Ibrahim bin Abdul Ghani — wakil kawasan Lorong 3.

Yang Berhormat Awang Zainal Abidin bin Puteh — wakil kawasan Panglima telah meminta kerajaan supaya pegawai2 yang di-tugaskan bagi menjaga dan mengawasi pemborong2 yang di-tugaskan su-

paya benar2 mengikuti 'specifications' yang telah di-tentukan oleh pehak kerajaan.

Usol yang meminta supaya kerajaan menyejajarkan pengeluaran grant2 tanah yang di-pohonkan oleh rakyat Daerah Belait sa-belum tahun 1955 telah di - bentangkan oleh Awang Ismail bin Duraman.

Yang Berhormat Pengiran Mohammad Yusof bin Pengiran Bakar — wakil kawasan Marina telah meminta supaya kerajaan membuka lagi kawasan perpindahan untuk orang2 Melayu rakyat negeri ini yang tinggal di-Seria, berdekatan dengan Kampong Perpindahan H/25 Jalan Badas.

Sementara Malai Mashor bin Malai Haji Abdul Hamid — wakil kawasan Pekan Setia telah mengusulkan supaya jabatan yang berkenaan menambatkan tiga jam lagi perbekalan ayer di-kawasan Setia dan Belait.

Majlis mashuarat yang di-pengerusikan oleh Pegawai Daerah Haji Awang Ali Khan itu juga telah mendengar ucapan2 penanggihan yang disampaikan oleh beberapa orang ahli majlis itu.

Pertunjukkan feshen pakaian

(Dari Muka 1)

Pertunjukkan itu akan dibuka dengan rasmi-nya oleh isteri Menteri Besar, Datin Hajjah Salmah.

Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama Yang Amat Mulia Pengiran Indera Mahkota Muda Haji Kemaluddin telah di-pilih sa-bagai pengerusi jawatankuasa pertunjukkan itu sementara Pengiran Haji Abas bin Pg. Hj. Besar sa-bagai setiausaha-nya.

Tiket2 yang berharga \$3.00 dan \$5.00 sedang di-jual sekarang dan tiket2 itu boleh dibeli dari kedai Guan Hock Lee dan Rex Book Store di-Bandar Brunei. Tiket2 itu juga akan di-jual di-pintu masuk sa-belum pertunjukkan itu di-mulakan.

Pengiran Haji Abas berkata bahawa 40 peratus dari hasil penjualan tiket2 itu akan di-dermakan kepada tabong derma anak2 yatim.

Selain dari pertunjukkan pakaian itu, berbagai2 jenis hiburan termasuk nyanyi2an juga akan di-adakan dalam temasha itu.

Ketua rombongan itu berkata, anak2 gadis tempatan yang ingin mengambil bahagian dalam pertunjukkan itu dan kepada orang ramai yang ingin membeli pakaian2 itu boleh-lah berhubung dengan beliau.